

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (SETEMPAT)

TARIKH: 15 DISEMBER 2017

MUKA SURAT: 38

Tanjong Karang

JBPM periksa rumah kebajikan

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menjalankan pemeriksaan di semua rumah kebajikan anak yatim dan orang tua seluruh negara bagi memastikan tahap keselamatan premis berkenaan.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, perancangan berhubung perkara itu dibincangkan sebelum ini.

"Perbincangan ini dibuat bersama keputusan melakukan pemeriksaan di seluruh pusat tahfiz.

"Bagaimanapun, pemeriksaan itu belum dilak-

sanakan kerana kami mahu selesaikan pemeriksaan di semua pusat tahfiz dahulu," katanya selepas merasmikan Seminar Keselamatan Kebakaran Pusat Tahfiz 2017 di Dewan Tan Sri Noh Omar di sini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah JBPM, Datuk Soiman Jahib serta Pengarah JBPM Selangor, Azmi Osman.

Kelmarin empat penghuni dan seorang warga Pakistan yang juga penjaga di pusat jagaan orang tua di Sungai Long, Kajang, maut selepas rumah kebajikan yang didiami mereka terbakar.